



PELAN
ANTIRASUAH
ORGANISASI

ORGANIZATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN
KUMPULAN PENDIDIKAN YPJ

2023 - 2027

PERUTUSAN

MENTERI BESAR JOHOR



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan Aizin dan limpah kurnia-Nya jua, Pelan Antirasuah Organisasi Kumpulan Pendidikan YPJ (KPYPJ) 2023-2027 dapat dibangunkan.

Syabas diucapkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi atas komitmen yang telah ditunjukkan dalam mengenal pasti risiko-risiko yang wujud serta merangka strategi dan inisiatif bagi menangani permasalahan tadbir urus, integriti dan anti rasuah dalam KPYPJ.

“Pelan ini juga menggambarkan komitmen Kumpulan Pendidikan YPJ (KPYPJ) secara tidak langsung dalam menjunjung visi Kerajaan Ke Arah Negara Bebas Rasuah selaras dengan dasar kerajaan melalui inisiatif 2.1.5 yang mewajibkan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di sektor awam dan sektor swasta.”

Sehubungan itu, KPYPJ memainkan peranan yang penting dalam mencapai matlamat menjadikan sebuah organisasi yang bertanggungjawab, profesional, cekap dan berintegriti dalam menawarkan perkhidmatan serta peluang pendidikan berterusan kepada Bangsa Johor.

Oleh itu, seluruh warga kerja KPYPJ perlu menjunjung amanah yang telah diberikan dalam menunjukkan sifat integriti dan komitmen yang tinggi untuk menangani gejala rasuah. Justeru diharapkan agar pelaksanaan Pembangunan Pelan Anti Rasuah KPYPJ ini dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada aspek pembudayaan dan penghayatan nilai-nilai integriti dalam setiap aspek tugas kita supaya kita sama-sama dapat merealisasikan matlamat ini.

Y.A.B DATO' ONN HAFIZ BIN GHAZI

Menteri Besar Johor

merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah Kumpulan Pendidikan YPJ

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
KUMPULAN PENDIDIKAN YPJ



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Kumpulan Pendidikan YPJ (KPYPJ) bagi tahun 2023-2027 dapat dibangunkan dengan jayanya hasil usahasama dan komitmen semua bahagian di organisasi ini. OACP ini ialah satu dokumen antirasuah pada peringkat organisasi yang merupakan kesinambungan daripada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia ke-7, YBhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 29 Januari 2019. Pelan ini dirangka secara khusus bagi mengatasi permasalahan rasuah, tadbir urus dan integriti serta menggariskan beberapa strategi, objektif strategik dan inisiatif yang perlu dijelmakan dalam bentuk tindakan bagi mencapai aspirasi syarikat ini iaitu

“Meneraju Bidang Pendidikan dan Bisnes Secara Profesional, Berintegriti dan Bebas Rasuah.”

KPYPJ mendukung sepenuhnya hala tuju murni ini dan komited khasnya dalam usaha membasmi rasuah pada peringkat akar umbi serta memastikan tahap tadbir urus yang baik seterusnya meningkatkan kualiti perkhidmatan yang efisien secara amnya. Secara keseluruhannya, Pelan Antirasuah KPYPJ menggariskan lima (5) strategi utama untuk dilaksanakan. Strategi tersebut ialah (i) Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan, (ii) Memperkukuh akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan, (iii) Memperkasa dan meningkatkan ketelusan pengurusan sumber manusia, (iv) Memperkukuh akauntabiliti dan integriti dalam pemasaran dan pengambilan pelajar, dan (v) Memperkukuh akauntabiliti dan integriti dalam pentadbiran akademik. Strategi ini perlu disusuli dengan pelaksanaan siri-siri tindakan dan inisiatif yang telah dirangka bagi menghapuskan isu rasuah, masalah integriti mahupun tadbir urus sendiri.

Justeru, saya berharap agar seluruh warga KPYPJ dapat memberikan komitmen sepenuhnya bagi menjayakan Pelan Antirasuah Organisasi ini. Usaha penerapan budaya integriti ini harus dipikul dan dihayati bersama bagi menghasilkan kualiti perkhidmatan yang telus dan bebas rasuah. Budaya kerja berintegriti akan meningkatkan keyakinan staf terhadap perkhidmatan dan seterusnya menjadikan syarikat ini lebih maju ke hadapan.

HAJI ABU BAKAR BIN MOHAMED SALLEH

Ketua Pegawai Eksekutif KPYPJ

ISI KANDUNGAN

Bab 1 ▶	PENGENALAN	Profil Organisasi 10 i. Objektif, Visi dan Misi ii. Struktur Organisasi dan Subsidiari iii. Carta Organisasi dan Bidang Keutamaan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi KPYPJ 17 Keperluan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi .. 18 KPYPJ Aktiviti dalam Bidang Utama yang terdedah kepada 20 rasuah dan pelanggaran integriti Penilaian Risiko Rasuah 22
Bab 2 ▶	CABARAN MENANGANI RASUAH	Perancangan Tindakan 27 Pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah 27 Model Kerangka Antirasuah KPYPJ 30
Bab 3 ▶	ANALISIS DATA	Objektif Analisis Data 34 Analisis Hard Data 34 Analisis Forensik Integriti Organisasi 36 Rumusan Daripada Analisis Data 38 Data Pengurusan Risiko Rasuah 39
Bab 4 ▶	STRATEGI ANTIRASUAH KPYPJ	Strategi Antirasuah KPYPJ 46 Penetapan Visi, Misi dan Matlamat Pelan Antirasuah 47 KPYPJ
Bab 5 ▶	PELAN STRATEGI, TINDAKAN DAN INISIATIF	Bidang Keutamaan: Perolehan 50 Bidang Keutamaan: Kewangan 51 Bidang Keutamaan: Sumber Manusia 52 Bidang Keutamaan: Pemasaran 53 Bidang Keutamaan: Akademik 54
Bab 6 ▶	MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	Strategi Teras Pelaksanaan Pelan Antirasuah 56 Organisasi(OACP) Pemantauan dan Penilaian OACP 59 Semakan Semula dan Pembaharuan OACP 60
Bab 7 ▶	PENUTUP	Rumusan 62 Penghargaan 63 Pemakluman 65

RAJAH & JADUAL

	BAB 1
RAJAH	Rajah 1.1 Struktur Organisasi KPYPJ Rajah 1.2 Struktur Pegangan Ekuiti Rajah 1.3 Visi, Misi dan Moto KPYPJ Rajah 1.4 Struktur Syarikat dan Subsidiari Rajah 1.5 Carta Organisasi KPYPJ Rajah 1.6 Visi, Misi dan Matlamat KPYPJ Rajah 1.7 Perspektif Menangani Rasuah Di Peringkat Organisasi
JADUAL	Jadual 1.1 Perolehan Jadual 1.2 Kewangan dan Kredit Jadual 1.3 Sumber Manusia Jadual 1.4 Pemasaran Jadual 1.5 Akademik
	BAB 2
RAJAH	Rajah 2.1 Terma Rujukan - Pengurusan Risiko Rasuah Rajah 2.2 Model Kerangka Antirasuah KPYPJ
JADUAL	Jadual 2.1 Skim Penarafan Tahap Risiko
	BAB 3
RAJAH	Rajah 3.1 Laporan tatatertib 2018 hingga 2022 Rajah 3.2 Penilaian Etika Korporat Organisasi Rajah 3.3 Penilaian Integriti Kepimpinan Rajah 3.4 Perbandingan Penilaian Etika Korporat Organisasi Dan Penilaian Integriti Kepimpinan
	BAB 6
RAJAH	Rajah 6.1 Strategi Teras Pelaksanaan Pelan Antirasuah Rajah 6.2 Pemantauan dan Penilaian OACP

SINGKATAN

KPYPJ	Kumpulan Pendidikan YPJ Sdn. Bhd.
CPI	Corruption Perceptions Index (Indeks Persepsi Rasuah)
CRM	Corruption Risk Management (Pengurusan Risiko Rasuah)
NACP	National Anti-Corruption Plan (Pelan Antirasuah Nasional)
OACP	Organisational Anti-Corruption Plan (Pelan Antirasuah Organisasi)
SOP	Standard Operating Procedure (Prosedur Operasi Standard)
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

BAB 1

Pengenalan



01 Profil Organisasi

- i. Objektif, Visi dan Misi
- ii. Struktur Organisasi dan Subsidiari
- iii. Carta Organisasi dan Bidang Keutamaan

02 Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi KPYPJ

03 Keperluan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi KPYPJ

04 Aktiviti dalam Bidang Utama yang terdedah kepada rasuah dan pelanggaran integriti

05 Penilaian Risiko Rasuah

PROFIL ORGANISASI


Pada 3 Mac 1996, sebuah syarikat milik penuh Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) bernama Ilham Ikhlas Sdn. Bhd. ditubuhkan bagi menyediakan program-program akademik dan kemahiran di kolej-kolej yang ditadbir selaras dengan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).

Ilham Ikhlas kemudiannya ditukarkan nama kepada Kumpulan Pendidikan YPJ (KPYPJ) pada tahun 1997 bagi menyediakan program dan peluang kedua pendidikan kepada lepasan sekolah melalui penubuhan empat kolej utama dan lapan buah kolej komuniti YPJ.

Matlamat penubuhan adalah untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti sumber manusia dalam pelbagai sektor pekerjaan dengan menyediakan peluang pendidikan kepada pelajar lepasan sekolah dalam bidang akademik dan kemahiran untuk memenuhi keperluan negara.

Kumpulan Pendidikan YPJ (KPYPJ) merupakan syarikat milik penuh Yayasan Pelajaran Johor, sebuah organisasi milik kerajaan negeri Johor yang ditubuhkan bagi menyediakan peluang pendidikan kepada belia dan lepasan sekolah.

KPYPJ bermula dengan satu impian besar untuk melahirkan generasi profesionalisme dan berkemahiran tinggi. Di sini segalanya bermula untuk menyahut aspirasi kerajaan negeri yang mensasarkan pembangunan masyarakat berilmu dan berkemahiran tinggi.




Rajah 1.1: Struktur Organisasi KPYPJ

Objektif KPYPJ

- ▶ Menyediakan peluang pendidikan berkualiti pada peringkat pra-diploma dan ijazah sarjana muda dalam pelbagai bidang dengan kerjasama universiti-universiti tempatan dan luar negara.
- ▶ Menjalankan program-program kemahiran dan teknikal pada peringkat sijil dan diploma dalam bidang-bidang tertentu yang diperlukan oleh industri melalui kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan pihak-pihak lain.
- ▶ Mewujudkan kemudahan pembelajaran dan latihan terbaik, berkualiti, berkesan lagi kondusif.
- ▶ Melahirkan graduan/tenaga kerja yang kompeten, berketerampilan, berakhlak mulia serta bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara.



STRUKTUR PEGANGAN EKUITI



Rajah 1.2: Struktur Pegangan Ekuiti



Visi

Membangunkan tenaga kerja profesional dan teknokrat yang kompeten melalui kecemerlangan program pendidikan dan latihan berterusan demi memartabatkan pembangunan agama, bangsa dan negara.

Misi

Membina Sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Yang Cemerlang Untuk Melahirkan Tenaga Kerja Mahir, Berketrampilan dan Berdaya Saing Demi Kesejahteraan dan Pembangunan Bangsa & Negara.

Moto

"Akademik Cemerlang Sahsiah Terpuji"

Rajah 1.3: Visi, Misi dan Moto KPYPJ

Struktur Organisasi dan Subsidiari

Kumpulan Pendidikan YPJ mempunyai EMPAT (4) buah anak syarikat, iaitu:



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR (KYPJ)

Menawarkan program-program akademik dan kemahiran tinggi pada peringkat diploma dalam pelbagai bidang.



KOLEJ KEMAHIRAN JOHOR (KKJ)

Menawarkan kursus kemahiran dan teknikal dalam pelbagai bidang pada peringkat sijil dan diploma kemahiran.



KPYPJ MANAGEMENT & SERVICES (KPMS)


Sebuah entiti perniagaan di bawah KPYPJ yang berdaya saing dan kukuh untuk menyumbang ke arah pembangunan modal insan negara.



AKADEMI MINYAK DAN GAS JOHOR (AMG)

Menawarkan kursus-kursus profesional dan kompetensi dalam bidang minyak dan gas.

STRUKTUR SYARIKAT DAN SUBSIDIARI



Rajah 1.4: Struktur Syarikat & Subsidiari



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR (KYPJ)

Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ) terhasil daripada gabungan tiga buah kolej; Kolej Islam Johor, Institut Teknologi Perindustrian YPJ dan Institut Hospitaliti YPJ. KYPJ yang ditubuhkan pada 16 Julai 2012 telah melalui beberapa fasa transformasi untuk merealisasikan aspirasi serta mandat yang diamanahkan oleh kerajaan negeri Johor untuk menjadi salah satu IPT yang ulung di selatan tanah air.

Kampus Induk KYPJ di Kota Tinggi, Johor telah dirasmikan pada 18 Oktober 2016. KYPJ menyediakan peluang pendidikan berkualiti pada peringkat pra-diploma dan diploma dalam pelbagai bidang bagi melahirkan graduan atau tenaga kerja yang kompeten, berketerampilan serta berakhlak mulia. Sejak tahun 1997, KYPJ berjaya menghasilkan lebih 35,000 orang graduan dalam pelbagai bidang pada peringkat sijil dan diploma.

Kolej Yayasan Pelajaran Johor yang menawarkan program-program akademik dan kemahiran tinggi pada peringkat diploma dalam pelbagai bidang telah menjalinkan kerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi menawarkan program-program yang berkualiti.




KOLEJ KEMAHIRAN JOHOR (KKJ)

Sejarah Kolej Kemahiran Johor (KKJ) bermula seawal pengambilalihan Pusat Latihan Kemahiran Belia oleh KPYPJ pada tahun 1997, Program kemahiran KKJ terus berevolusi dengan menawarkan latihan sejajar dengan keperluan pembangunan ekonomi negara selain memberi peluang kepada pelajar yang kurang cenderung dalam aliran akademik untuk membina kerjaya dalam bidang kemahiran.

KKJ menawarkan kursus kemahiran dan teknikal dalam pelbagai bidang pada peringkat sijil dan diploma kemahiran di empat buah daerah iaitu Johor Bahru, Batu Pahat, Kluang dan Muar. Pembelajaran yang dilaksanakan adalah secara amali bagi menghasilkan pelatih yang kompeten dan mampu mengaplikasikan sebarang konsep teori.

Program kemahiran KKJ adalah berasaskan kepada 70% pengajaran dalam bentuk praktikal dan pendedahan industri manakala 30% adalah dalam bentuk kuliah. Kurikulum di KKJ mengikut 100% NOSS (National Occupational Skills Standard) yang telah disediakan dan ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran.



KPMS
KPYPJ
MANAGEMENT
SERVICES

KPYPJ MANAGEMENT SERVICES (KPMS)

KPYPJ Management Services (KPMS) merupakan sebuah entiti perniagaan di bawah KPYPJ yang berdaya saing dan kukuh bagi menyumbang ke arah pembangunan modal insan negara. KPMS menggunakan aset dan kepakaran dalaman syarikat bagi meneroka dan merebut peluang kerjasama di pasaran luar. Unit-unit perniagaan di bawah KPMS terdiri daripada :



KPYPJ MANAGEMENT SERVICES SDN. BHD.



BAHAGIAN LATIHAN & KHIDMAT RUNDING

Penyedia Latihan berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bagi perkhidmatan latihan profesional dan separa profesional dalam pelbagai bidang berdasarkan modul-modul latihan yang bersesuaian dengan keperluan pelanggan dari sektor kerajaan, swasta dan industri.



TADIKA & TASKA HIKMAH YPJ

Sebuah institusi pendidikan prasekolah yang berteraskan islamik, dinamik, unggul dan mempunyai kurikulum yang seimbang serta berdaya maju. Tadika Hikmah YPJ menyediakan perkhidmatan pendidikan prasekolah, transit, dan penjagaan lebih masa untuk masyarakat setempat. Terdapat 4 cawangan iaitu di Taman Tampoi Utama di Johor Bahru, Parit Bunga di Tangkak, Taman Kota Jaya dan Bandar Penawar di Kota Tinggi.



BAHAGIAN GRAFIK & PERCETAKAN

Menyediakan perkhidmatan reka bentuk grafik serta percetakan offset dan digital untuk pelbagai jenis bahan cetak seperti risalah, brosur, poster, kad nama, resit, invois, buku, majalah dan sebagainya.



HOMESTAY

Menyediakan penginapan yang selesa dan luas di Johor Bahru atas urusan bercuti, konvokesyen, undangan majlis perkahwinan dan dewan mengadakan apa-apa majlis rasmi atau tidak rasmi. Homestay terletak di Taman Tampoi Utama, Johor Bahru terdiri daripada 3 unit homestay banglo 2 tingkat dan 3 unit hostel banglo 2 tingkat.




AKADEMI MINYAK DAN GAS JOHOR (AMG)

Dahulunya dikenali sebagai Kolej Kemahiran Johor Cawangan Kota Tinggi, kini dijenamakan semula sebagai Akademi Minyak & Gas Johor (AMGJ) yang menawarkan kursus-kursus profesional dan kompeten dalam bidang minyak dan gas. AMGJ bekerjasama dengan agensi kerajaan dan industri bagi melahirkan pekerja yang kompeten dan memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan dan industri.

Carta Organisasi dan Bidang Keutamaan

CARTA ORGANISASI IBU PEJABAT KPYPJ



Rajah 1.5: Carta Organisasi KPYPJ



Di Ibu Pejabat KPYPJ, terdapat dua Bahagian Utama iaitu:

- i. Bahagian Pentadbiran, Sumber Manusia dan Korporat.
- ii. Bahagian Kewangan.

Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia menjalankan fungsi-fungsi pentadbiran, sumber manusia dan Korporat manakala di Bahagian Kewangan menjalankan fungsi kewangan dan kredit.

Di kolej-kolej di bawah KPYPJ pula mempunyai bahagian-bahagian utama seperti Bahagian Pendaftar, Bahagian Akademik, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bendahari serta Bahagian Pemasaran dan Kemasukan.

Sebagai salah sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang juga merupakan nadi yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, serta sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk menjadi sebuah negara yang berintegriti dan sifar rasuah, KPYPJ komited dan sentiasa menyokong usaha kerajaan serta bersedia untuk mengambil inisiatif bagi membendung salah laku jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di dalam organisasi pada semua peringkat.

PEMBANGUNAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI KPYPJ




Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi adalah berpandukan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29 Januari 2019 dan arahan mantan Perdana Menteri di bawah Inisiatif 6.2.1 Strategi 6.2: Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah Di Entiti Korporat dengan mewajibkan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan Sektor Swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh Pusat Governan, Integriti dan Anti Rasuah (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia.

Pelan Antirasuah Organisasi KPYPJ merupakan satu dokumen dasar antirasuah pada peringkat KPYPJ yang dibangunkan untuk tempoh 2023 - 2027 yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam usaha menangani permasalahan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam KPYPJ. Pelan ini dirangka agar setiap usaha pembudayaan dan pengukuhan nilai-nilai integriti di organisasi akan dilaksanakan dengan lebih terancang dan bersepadu. Pelan ini telah menggariskan strategi-strategi yang perlu dilaksanakan berkaitan nilai-nilai murni dan etika tinggi bagi memastikan jati diri dan keperibadian tinggi dibentuk dalam diri warga KPYPJ agar kesan dan impaknya dapat diterjemahkan dalam penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.



Rajah 1.6: Visi, Misi & Matlamat KPYPJ

KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI KPYPJ



Sebagai sebuah syarikat yang menawarkan perkhidmatan dan peluang pendidikan, KPYPJ sering berhadapan dengan pelanggan yang mempunyai pelbagai ragam dan kerenah. Kelemahan tadbir urus dan integriti akan menyebabkan objektif syarikat tidak akan dicapai. Begitu juga sekiranya berlaku ketirisan yang melibatkan perolehan, akan menyebabkan mutu perkhidmatan serta bekalan yang diperolehi tidak berkualiti dan setimpal dengan wang yang telah dibelanjakan.

Ketidaktelusan dalam pengendalian kewangan organisasi akan menimbulkan pelbagai spekulasi dan tohmahan yang memberikan imej dan persepsi negatif kepada KPYPJ. Selagi amalan rasuah berleluasa dan tidak dibendung, kita semua terperangkap dalam sangkar yang kita cipta sendiri.

Kewujudan peruntukan baharu iaitu Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Pindaan 2018) yang berkuat kuasa pada Jun 2020 iaitu kesalahan Liabiliti Korporat menyebabkan sektor korporat dan perniagaan menggubal dasar baharu membabitkan antirasuah dalam industri masing-masing. Organisasi korporat dan perniagaan boleh disabitkan dengan rasuah walaupun kesalahan itu dilakukan oleh mana-mana ahli organisasi atau ejen organisasi. Sebagai tambahan, organisasi korporat dan perniagaan mesti merangka prosedur yang mencukupi untuk memastikan amalan rasuah dapat dibendung dan dicegah secara dalaman. Prosedur yang bersesuaian dalam bentuk sistem ini memerlukan penglibatan semua kakitangan dan pekerja di KPYPJ yang merangkumi rangka kerja sistem penilaian, pengurusan dan pemantauan dalam aspek pencegahan rasuah. Kes korporat terkenal seperti Airbus U.K. (2020) yang telah didakwa kerana gagal mengambil langkah sewajarnya dalam mengekang pematuhan antirasuah boleh dijadikan contoh pengajaran untuk KPYPJ. KPYPJ perlu memberikan perhatian serius terhadap isu ini dan melaksanakan inisiatif yang sesuai.

Selaras dengan **Objektif Strategik 6.2 Pelan Anti Rasuah Kebangsaan (NACP) 2019-2023** iaitu memastikan daya tahan terhadap ancaman rasuah di entiti korporat, Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) ini dibangunkan untuk mencapai matlamat KPYPJ menjadi sebuah organisasi yang bertanggungjawab, berkredibiliti, cekap dan berintegriti dalam perniagaan dan menawarkan perkhidmatan serta peluang pendidikan. KPYPJ yakin dengan wujudnya Pelan Antirasuah Organisasi, usaha ini secara tidak langsung mendukung visi kerajaan ke arah **negara bebas rasuah**. Oleh itu, menjadi tanggungjawab KPYPJ untuk menangani isu rasuah dengan segera di setiap peringkat di dalam organisasi KPYPJ dan daripada pelbagai perspektif seperti yang berikut:



Rajah 1. 7: Perspektif Menangani Rasuah pada Peringkat Organisasi



Sehubungan dengan itu, sebagai **usaha KPYPJ membendung amalan rasuah dan ketirisan wang, Ikrar Integriti Korporat telah ditandatangani bersama-sama dengan Yayasan Pelajaran Johor (YPJ), YPJ Holdings dan SPRM pada tahun 2015.** Pengurusan Tertinggi KPYPJ telah memberikan mandat untuk menubuhkan Unit Integriti pada bulan Jun 2019. Majlis Ikrar Bebas Rasuah bersama-sama SPRM telah diadakan pada awal tahun 2020. Beberapa siri program pengukuhan dan kesedaran integriti telah dilaksanakan di pelbagai peringkat warga kerja KPYPJ. Polisi tadbir urus dan integriti seperti Kod Nilai dan Etika, Polisi Pengurusan Pemberian & Penerimaan Hadiah, Polisi Pemberi Maklumat serta Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam Perolehan KPYPJ telah dibangunkan dan dilaksanakan. Beberapa siri taklimat tentang Peruntukan Liabiliti Korporat, Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018) telah diberikan kepada semua staf di ibu pejabat dan anak syarikat oleh konsultan pakar yang dilantik.

AKTIVITI DALAM BIDANG UTAMA YANG TERDEDIAH KEPADA RASUAH DAN PELANGGARAN INTEGRITI



Pihak KPYPJ telah mengenal pasti bahagian dan ruang yang berpotensi berlakunya jenayah rasuah dan/atau pelanggaran integriti dan penyelewengan tadbir urus. Data-data diperolehi daripada sumber SPRM, rekod-rekod salah laku tata tertib dan rekod aduan/whistle blowing yang dilaporkan kepada syarikat dan laporan audit dalaman bagi lima (5) tahun yang dijalankan bersama Ketua-Ketua Jabatan di KPYPJ.

Analisis data-data yang diperolehi telah menunjukkan bidang-bidang dibawah adalah terdedah kepada jenayah rasuah iaitu:-

1 Perolehan

Skop kerja jabatan perolehan yang berurusan dengan rangkaian kompleks yang melibatkan pembekal, sub-kontraktor, perunding, pihak berkuasa dan klien mendedahkan jabatan ini kepada risiko rasuah. Skop kerja jabatan ini melibatkan proses tapisan, pemilihan, arahan pembekalan serta urus niaga yang melibatkan dokumen sulit. Isu konflik kepentingan antara warga kerja syarikat dan juga pihak ketiga mendedahkan jabatan ini kepada risiko rasuah. Persaingan dalam kalangan kontraktor juga menyebabkan sebahagian kontraktor mengambil jalan mudah dengan menawarkan rasuah bagi memastikan organisasi mereka mendapat kontrak tersebut.

2 Kewangan dan Kredit

Sistem pembayaran sedia ada perlu disemak semula dan ditambah baik bagi memastikan pembayaran lebih telus dan dapat mengurangkan risiko rasuah. Prosedur kutipan hutang pelajar dan sewaan rumah kedai Kluang juga perlu dikemas kini untuk memantapkan kaedah kutipan yang lebih cekap dan telus.

3 Sumber Manusia

Pengambilan pekerja yang kurang cekap dan ketidaktelusan dalam proses kenaikan pangkat memudahkan rasuah berlaku terutamanya di jabatan-jabatan yang berisiko. Hukuman bagi kesalahan-kesalahan dalam organisasi tidak komprehensif dan tegas.

4 Pemasaran

Bahagian Pemasaran ialah barisan hadapan yang memainkan peranan untuk mendapatkan pelajar yang merupakan sumber pendapatan utama kepada kolej dan kumpulan syarikat. Dalam mendapatkan sesuatu projek, Bahagian Pemasaran tidak dapat lari daripada membayar imbuhan tersembunyi untuk mendapatkan, mengekalkan atau mempengaruhi keputusan pemberian projek (sales). Dalam usaha untuk mendapatkan pelajar, Bahagian Pemasaran juga telah menyediakan insentif untuk Staf Bawa Pelajar (SBP) sebagai salah satu kaedah bagi memasarkan dan mempromosi program-program yang ditawarkan kepada prospek untuk mendaftar di kolej-kolej KPYPJ. Kawalan perlu dibuat dengan memantapkan prosedur tuntutan pembayaran kepada staf yang membawa masuk pelajar mendaftar di kolej bagi mengelakkan berlakunya tuntutan palsu atau pakatan antara staf dan ejen yang dilantik untuk mendapatkan tuntutan pembayaran insentif yang lebih tinggi.

5 Akademik

Tadbir urus akademik ialah mekanisme bagi menjajar hala tuju dan mengawal tindakan berkaitan hal-hal pembangunan serta pengurusan akademik kolej melalui proses membuat keputusan yang telus, cekap dan berkesan pada peringkat-peringkat tertentu. Tadbir urus ini perlu dimantapkan dalam menghadapi cabaran perkembangan akademik pada masa hadapan tanpa mengabaikan tuntutan masyarakat umum terhadap produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.



KPYPJ sentiasa berusaha untuk berdaya saing dalam menawarkan perkhidmatan kepada orang awam di samping mendapat faedah dan memastikan kewangan yang stabil untuk terus kekal dalam pasaran. Oleh itu, **menjadi tanggungjawab KPYPJ untuk mengambil langkah-langkah pencegahan bagi memastikan tiada ruang dan peluang bagi berlakunya ketirisan dan ketidakpatuhan yang boleh mengakibatkan pembaziran wang syarikat, lebih telus dalam urusan penawaran dan penilaian tender, serta pengurusan kewangan dan sumber manusia yang cekap.** Selain itu, KPYPJ perlu memastikan tiada ketirisan atau tuntutan palsu berlaku di Bahagian Pemasaran yang menawarkan insentif untuk Skim Staf Bawa Pelajar iaitu staf akan dibayar insentif jika berjaya mempromosi dan membawa pelajar mendaftar di kolej selain lantikan ejen luar.

Sehubungan dengan itu, KPYPJ perlu mengambil tindakan atau inisiatif awal dalam merangka program pelan antirasuah organisasi yang komprehensif dalam memastikan potensi amalan rasuah, penyelewengan dan penipuan pada masa akan datang dapat dibendung. Amalan rasuah boleh berlaku pada bila-bila masa jika tindakan atau inisiatif awal untuk membendungnya tidak dilakukan.

PENILAIAN RISIKO RASUAH

Bagi mengenal pasti aktiviti-aktiviti yang terdedah kepada amalan rasuah dalam KPYPJ, bidang-bidang yang menjadi teras kepada kepentingan dan operasi perniagaan, KPYPJ telah menjalankan Penilaian Risiko Rasuah (CRA), dan diselia oleh perunding pakar luar yang dilantik oleh KPYPJ.

Objektif menjalankan Penilaian Risiko Rasuah adalah seperti yang berikut:

- a. Mengenal pasti kawasan berisiko amalan rasuah dalam semua aktiviti perniagaan dan perkhidmatan KPYPJ;
- b. Menganalisis risiko amalan rasuah yang telah dikenal pasti;
- c. Memudahkan dalam membangunkan prosedur dan inisiatif yang mencukupi dalam mencegah amalan rasuah.

Penilaian Risiko Rasuah dijalankan berdasarkan dua (2) kaedah yang lazimnya dicadangkan oleh penyelidik-penyelidik antarabangsa dalam menjalankan penilaian risiko rasuah. Instrumen (termasuk penilaian skala) yang digunakan dalam penilaian risiko rasuah ini sejajar dengan garis panduan badan antarabangsa. Dua (2) kaedah tersebut ialah:

- a. Data tinjauan, laporan dan temu bual individu terpilih dari dalam KPYPJ yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam proses perniagaan dan aktiviti perkhidmatan yang dinilai.
- b. 'Brainstorming', yang melibatkan perbualan bebas dalam kalangan sekumpulan orang yang berpengetahuan dan berkepakaran dalam KPYPJ bagi mengenal pasti bentuk ruang dan peluang berlakunya amalan rasuah dalam bidang-bidang yang telah dikenal pasti sebagai berisiko dengan rasuah.

Berdasarkan bengkel penilaian risiko rasuah dan perbincangan pasukan yang dijalankan serta dibimbing oleh perunding pakar luar, lima (5) bidang risiko telah dikenal pasti untuk dikaji dengan lebih mendalam dan terperinci yang boleh dirumuskan berdasarkan jadual seperti yang berikut:

1 Perolehan

NO.	RISIKO YANG DIKENAL PASTI
1.	Kebocoran maklumat sebut harga dan tender bagi perolehan perkhidmatan/bekalan.
2.	Meminta sesuatu kelebihan atau salah guna kuasa bagi urusan mendapatkan/memenangi tender atau sebut harga pembelian.
3.	Pemalsuan dokumen dalam: <ul style="list-style-type: none"> • membuat tuntutan bayaran; • lesen pembekal/kontraktor; • pengesahan perakuan tuntutan pembekal; atau • dokumen tender/sebut harga yang dibuat oleh pembekal/kontraktor

Jadual 1.1

2 Kewangan dan Kredit

NO.	RISIKO YANG DIKENAL PASTI
1.	Potensi menerima rasuah untuk mempercepat proses pembayaran.
2.	Potensi menerima imbuhan daripada pembekal untuk mengubah dan memalsukan dokumen sokongan pembayaran.
3.	Kaedah bayaran yang dimanipulasi dan disalah guna oleh individu dalam syarikat.
4.	Tuntutan Wang Panjar untuk dokumen/resit perbelanjaan peribadi.
5.	Rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam pelantikan agen dan pembayaran komisen kepada agen kutipan kredit.
6.	Potensi penerimaan kutipan hasil ke akaun peribadi pegawai yang menguruskan kutipan (yuran pengajian pelajar atau hasil sewaan).

Jadual 1.2

3 Sumber Manusia

NO.	RISIKO YANG DIKENAL PASTI
1.	Rasuah atau salah guna kuasa untuk mendapatkan atau mempengaruhi keputusan sesuatu temu duga.
2.	Rasuah atau salah guna kuasa untuk mendapatkan atau mempengaruhi penetapan gaji permulaan selepas sesuatu temu duga.
3.	Rasuah atau salah guna kuasa untuk kenaikan jawatan atau pangkat/pengesahan dalam perkhidmatan.
4.	Salah guna kuasa dalam mengambil tindakan kepada salah laku staf yang telah dilaporkan (tindakan tatatertib atau disiplin lewat diambil atau tidak dilaksanakan).

Jadual 1.3

4 Pemasaran

NO.	RISIKO YANG DIKENAL PASTI
1.	Imbuan tersembunyi untuk mendapatkan, mengekalkan atau mempengaruhi keputusan pemberian projek (sales).
2.	Salah guna kuasa untuk kemasukan pelajar yang tidak memenuhi syarat kelayakan.
3.	Pakatan antara staf dan ejen pemasaran untuk mendapatkan tuntutan pembayaran insentif yang lebih tinggi.

Jadual 1.4

5 Akademik

NO.	RISIKO YANG DIKENAL PASTI
1.	Imbuan tersembunyi untuk mendapatkan, mengekalkan atau mempengaruhi keputusan pemberian projek (sales).
2.	Salah guna kuasa untuk kemasukan pelajar yang tidak memenuhi syarat kelayakan.
3.	Pakatan antara staf dan ejen pemasaran untuk mendapatkan tuntutan pembayaran insentif yang lebih tinggi.

Jadual 1.5

Cabaran utama dalam perolehan, kewangan dan kredit, sumber manusia serta pemasaran ialah memerangi amalan rasuah. Bidang-bidang ini merupakan aktiviti KPYPJ yang paling terdedah kepada rasuah dan berisiko kepada amalan pembaziran, penipuan dan lebih-lebih lagi rasuah, disebabkan aliran dan peruntukan wang yang besar dalam sektor ini berbanding akademik. Potensi rasuah boleh berlaku di kawasan ini dan mengakibatkan kawasan paling terdedah dan berisiko untuk semua bentuk salah laku.

Berdasarkan penilaian risiko rasuah KPYPJ yang dijalankan pada **23 dan 24 Mei 2022** bersama konsultan pakar yang telah dilantik oleh pihak KPYPJ, bidang akademik telah menghasilkan risiko yang rendah. Walau bagaimanapun, inisiatif atau usaha dalam mengekalkan dan mempertingkatkan budaya integriti bagi bidang akademik juga perlu diberi perhatian.

BAB 2

CABARAN MENANGANI RASUAH



- 01 Perancangan Tindakan
- 02 Pelaksanaan Sistem Pengurusan Antirasuah
- 03 Model Kerangka Antirasuah KPYPJ

CABARAN MENANGANI RASUAH



Amalan rasuah dan penyelewengan berpotensi berlaku disebabkan konflik kepentingan serta faktor manusia. KPYPJ dalam hal ini akan melaksanakan Sistem Pengurusan Antirasuah sebagai instrumen dalam mengenal pasti risiko-risiko rasuah dalam setiap aktiviti operasi-operasi di KPYPJ. Nilai tambah telah dirangka dengan memasukkan elemen risiko untuk kebarangkalian dan potensi rasuah dalam KPYPJ.

Berdasarkan kajian-kajian akademik, antara faktor amalan rasuah adalah seperti yang berikut:

1. Campur tangan manusia dalam perolehan dan kontrak.
2. Kelemahan dalam Pemantauan.
3. Ketelusan minimum.
4. Konflik Kepentingan.
5. Kelemahan dalam perolehan.
6. Kelemahan dalam sistem dan prosedur.

Dalam cabaran menangani rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa, KPYPJ akan terus melaksanakan tindakan penambahbaikan berterusan seperti yang berikut:

1. Memastikan semua pegawai dan staf pada semua peringkat dalam organisasi sentiasa mematuhi semua peraturan yang terpakai termasuk Polisi, Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan.
2. Melaksanakan program-program peningkatan kompetensi dan pencegahan rasuah. Program-program ini perlu dihadiri oleh semua warga KPYPJ khususnya dalam bidang berisiko tinggi dan sederhana.
3. Melaksanakan pemerksaan sistem kawalan dalaman yang lebih efektif, telus dan berhati-hati dalam memenuhi kehendak pemegang-pemegang taruh.
4. Memperkukuh peranan Unit Integriti (IGU) KPYPJ dalam menangani isu-isu tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam aktiviti operasi KPYPJ.

PERANCANGAN TINDAKAN

Perancangan tindakan dalam Pelan Antirasuah Organisasi ini juga akan mengambil kira elemen-elemen yang berikut:

1. Memperkukuh mekanisme pematuhan garis panduan serta penambahbaikan sistem dan proses kerja. Ini termasuk usaha mengenal pasti dan mengkaji kelemahan atau keperluan sistem atau prosedur kerja yang lapuk atau rumit yang menyebabkan pelbagai isu birokrasi, kelemahan tadbir urus, ketelusan dan membuka peluang melakukan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.
2. Memastikan ketua-ketua Bahagian/Unit melaksanakan kawalan dan penyeliaan tatatertib ke atas pekerja bawahan serta mengambil tindakan yang sewajarnya secepat mungkin bagi sebarang pelanggaran disiplin. Tanpa pemantauan oleh Ketua Bahagian/Unit, isu tadbir urus, integriti dan rasuah sukar ditangani sehingga menjejaskan penumpuan usaha dan tenaga ke arah penyampaian perkhidmatan yang berintegriti. Selain itu, kawalan dalaman yang berkesan mesti dilaksanakan melalui pemeriksaan dan semakan silang.
3. Penguatan Integriti Organisasi. Penguatan tadbir urus dan integriti organisasi akan dibangunkan dan diteruskan melalui inisiatif untuk mencegah, menggalakkan dan memupuk tadbir urus dan penginstitutionan integriti secara terancang dengan menjalankan penilaian integriti forensik organisasi. Hal ini bagi meningkatkan lagi penghayatan dan pemupukan integriti dalam kalangan warga KPYPJ.
4. Saluran Aduan. KPYPJ amat menggalakkan sebarang aduan tingkah laku tidak beretika warga KPYPJ dilaporkan melalui saluran aduan yang ditetapkan. Mengemukakan aduan melalui pos tidak digalakkan kerana boleh merumitkan lagi siasatan.

PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH

Dalam melaksanakan Pengurusan Risiko Rasuah, KPYPJ menjadikan prinsip-prinsip dalam ISO 31000: Pengurusan Risiko 2018 (SIRIM QAS) sebagai rujukan. Terdapat lima (5) teras dalam melaksanakan pengurusan risiko rasuah di KPYPJ seperti yang berikut:

- ▶ Mengenal pasti matlamat strategik. KPYPJ komited dalam melaksanakan Pengurusan Risiko Rasuah dalam objektif strategik, proses perniagaan dan pengurusannya. KPYPJ akan mengenal pasti faktor-faktor yang berpotensi menyumbang kepada risiko dan kebarangkalian rasuah dalam aktiviti operasi KPYPJ.
- ▶ Mengenal pasti aktiviti utama untuk Pengurusan Risiko Rasuah. Beberapa bidang risiko telah dikenal pasti berdasarkan keputusan Penilaian Risiko Rasuah yang dijalankan secara dalaman oleh Jawatankuasa Pelan Antirasuah KPYPJ yang juga di anggotai oleh perunding pakar luar. KPYPJ akan menyesuaikan 7 (tujuh) terma bagi rujukan dalam proses pengurusan risiko rasuah seperti rajah di bawah:



Rajah 2.1: Terma Rujukan - Pengurusan Risiko Rasuah

- Dari segi penilaian tahap risiko rasuah, KPYPJ menggunakan skim penarafan tahap risiko berdasarkan kebarangkalian dan kesan skim tersebut seperti yang berikut:

		IMPAK MAGNITUD				
		TIDAK SIGNIFIKAN	KECIL	SEDERHANA	BESAR	AMAT BESAR
KEMUNGKINAN BERLAKU	KESAN KEBARANGKALIAN					
	HAMPIR PASTI	Signifikan	Signifikan	Tinggi	Tinggi	Tinggi
	BERKEMUNGKINAN	Sederhana	Signifikan	Signifikan	Tinggi	Tinggi
	SEDERHANA	Rendah	Sederhana	Signifikan	Tinggi	Tinggi
	TIDAK BERKEMUNGKINAN	Rendah	Rendah	Sederhana	Signifikan	Tinggi
	JARANG	Rendah	Rendah	Sederhana	Signifikan	Signifikan

Rajah 2.1: Skim Penarafan Tahap Risiko

- Kawalan - Tahap kawalan KPYPJ akan dikategorikan kepada tiga (3) bentuk kawalan:

1 Kawalan Pencegahan

Mengenal pasti dan mengurangkan kemungkinan berlakunya amalan rasuah.

2 Kawalan Pengesanan

Kenal pasti isu, risiko dan laksanakan langkah yang perlu dan praktikal sebelum isu menjadi kronik.

3 Kawalan Pembetulan

Melaksanakan langkah pembetulan.

4 Pelan Tindakan

KPYPJ akan menggariskan beberapa pelan, inisiatif dan aktiviti serta pemulihan dalam menangani isu atau risiko yang telah dikenal pasti sama ada untuk menghapuskan, mengurangkan, menerima atau meneruskan. Semua tindakan dan remedi ini dimasukkan dalam Pelan Pengurusan Risiko Rasuah KPYPJ selepas mendapat kelulusan daripada pengurusan tertinggi KPYPJ.

5 Pemantauan

KPYPJ melalui Unit Integriti dan Governan (IGU) yang diwujudkan akan terus memantau dan melaporkan secara berkala tentang terma rujukan pengurusan risiko rasuah dan membuat penilaian dan semakan untuk dilaporkan kepada pengurusan tertinggi KPYPJ. KPYPJ akan menyesuaikan semua butiran yang terkandung dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023 dan mengambil langkah proaktif dengan menggunapakai Model Rangka Kerja Antirasuah seperti di 2.2



MODEL KERANGKA ANTIRASUAH KPYPJ



Rajah 2.2: Model Kerangka Antirasuah KPYPJ

Penerangan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang diadaptasi oleh KPYPJ berdasarkan model di atas adalah seperti yang berikut:

Teras 1

'Polisi Pencegahan Rasuah' : KPYPJ akan mengambil semua langkah yang wajar dan perlu bagi mewujudkan inisiatif-inisiatif integriti dan tadbir urus yang baik bermatlamat untuk mencegah amalan rasuah dalam aktiviti-aktiviti perniagaannya.

Teras 2

'Kod Nilai & Etika' : Kod Nilai & Etika KPYPJ yang dilaksanakan akan dikuatkuasakan sepenuhnya kepada semua warga KPYPJ. Kod Nilai & Etika ini merupakan dasar dalaman yang merangkumi integriti, tadbir urus dan disiplin pekerja bagi mewujudkan persekitaran warga kerja yang kondusif, profesional dan dinamik.

Teras 3

'Pengurusan Risiko Rasuah' : Inisiatif ini selaras dengan hala tuju Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan juga menggunakan prinsip-prinsip dalam Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS). Skop pengurusan risiko rasuah KPYPJ tertumpu kepada 5 bidang utama iaitu perolehan, kewangan dan kredit, sumber manusia, pemasaran dan akhir sekali akademik memandangkan 5 bidang ini terdedah kepada risiko amalan rasuah yang signifikan dan sederhana.

Teras 4

'Pengesanan Amalan Rasuah dan Pelanggaran Pematuhan' : KPYPJ akan menyesuaikan prinsip-prinsip dalam Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS). Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) ini bertepatan dengan penguatkuasaan Liabiliti Korporat di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018) yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan pada 1 Jun 2020. KPYPJ akan mengambil langkah proaktif dalam memastikan unsur-unsur rasuah dapat dibendung ke tahap yang lebih tinggi. Dalam situasi tertentu, KPYPJ akan mendapatkan khidmat bantuan pakar pihak ketiga yang dilantik dalam pengesanan aktiviti-aktiviti amalan rasuah dan pelanggaran pematuhan dalam organisasi bagi mengelakkan konflik kepentingan.

Teras 5

'Tindakan Wajar Ke Atas Amalan Rasuah Dan Pelanggaran Pematuhan': Tindakan wajar KPYPJ berkaitan dengan amalan rasuah dan pelanggaran pematuhan oleh warga KPYPJ akan dikawal selia oleh Unit Integriti KPYPJ dalam memastikan semua langkah wajar telah dilaksanakan dan diambil tindakan, seterusnya dapat mengurangkan aktiviti amalan rasuah dan pelanggaran pematuhan organisasi selaras dengan misi dan visi Pelan Antirasuah Nasional (NACP).

Teras 6

'Pendidikan dan Kesedaran' : Pendidikan dan aktiviti kesedaran pencegahan rasuah perlu dilaksanakan sepanjang tahun. Aktiviti ini termasuk seminar, bengkel dan kursus dalaman berkaitan pencegahan rasuah. Pembudayaan integriti dan tadbir urus yang baik, berhemah dan mesra rakyat sentiasa diterapkan dan akan digunakan sebagai KPI (penunjuk prestasi utama) di KPYPJ. Aspek ini turut digunakan oleh pengurusan tertinggi KPYPJ dalam menilai prestasi pegawai dan staf KPYPJ bagi kenaikan pangkat dan pelarasan gaji.



Program pendidikan dan kesedaran akan dilaksanakan secara berterusan dalam memastikan semua warga KPYPJ dapat menerapkan nilai-nilai budaya integriti yang tinggi ketika melaksanakan tugas mereka.

Modul Integriti dan Pencegahan Rasuah juga akan diperkenalkan untuk semua program akademik dan kursus yang ditawarkan oleh kolej-kolej KPYPJ dalam usaha melahirkan graduan-graduan yang memiliki nilai-nilai integriti yang tinggi apabila mereka tamat pengajian kelak. Hal ini selaras dengan arahan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada tahun 2021 kepada semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia yang mewajibkan semua IPT di Malaysia untuk mewujudkan modul ini mulai tahun 2023.

BAB 3

ANALISIS DATA



- 01 Objektif Analisis Data
- 02 Analisis *Hard Data*
- 03 Analisis Forensik Integriti Organisasi
- 04 Rumusan Daripada Analisis Data
- 05 Data Pengurusan Risiko Rasuah

ANALISIS DATA



Analisis data ialah satu proses yang dibuat bagi menilai data-data yang diperolehi daripada pelbagai sumber dan maklumat ini akan digunakan untuk membantu pihak KPYPJ dalam membuat pelan pencegahan rasuah.

OBJEKTIF ANALISIS DATA

Objektif analisis data adalah seperti yang berikut:

- ▶ Mengenal pasti isu antirasuah, governan dan integriti di setiap bahagian/jabatan.
- ▶ Mengenal pasti amalan baik berdasarkan kajian keberkesanan pelan terdahulu.
- ▶ Menentukan bidang keutamaan yang harus diberi perhatian.
- ▶ Mengenal pasti trend, permasalahan dan risiko rasuah.
- ▶ Perkaitan data bagi merangka OACP.

ANALISIS *HARD DATA*

Bagi mendapatkan data yang betul, KPYPJ telah menggunakan *Hard Data* daripada sumber-sumber seperti yang berikut:

Data daripada SPRM

- 1 Data ini diperolehi daripada pihak SPRM melalui surat yang telah dikemukakan oleh KPYPJ kepada pihak SPRM Johor. Untuk tempoh 5 tahun terakhir sehingga 2022, terdapat satu kes salah guna kuasa eksekutif dalam perolehan yang diterima oleh pihak SPRM pada akhir tahun 2022 melibatkan warga KPYPJ dan dikategorikan sebagai rujukan jabatan untuk dijalankan siasatan dalaman.


Laporan Audit Dalaman KPYPJ

2 Laporan Audit Dalaman diambil dan dianalisis daripada audit yang dijalankan sepanjang lima (5) tahun terakhir. Daripada laporan ini, data yang diperoleh adalah seperti prestasi program/projek jabatan, ketidakpatuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada dan salah tadbir urus dana.

Laporan Tatatertib dan Laporan *Whistleblowing* KPYPJ

3 Melalui laporan tatatertib dan laporan *whistleblowing* KPYPJ, terdapat masalah disiplin dan tatatertib yang telah dikenal pasti. Kesalahan ini jelas memperlihatkan pelanggaran peraturan yang juga menjurus kepada kesalahan jenayah dan sivil. Kesalahan yang melibatkan isu moral dan integriti ini juga telah memperlihatkan trend kepada berlakunya kes-kes yang menghampiri rasuah.

Daripada laporan tatatertib 2018 hingga 2022 didapati antara punca salah laku adalah seperti yang berikut:



Rajah 3.1: Laporan tatatertib 2018 hingga 2022

Proses Penilaian Risiko Rasuah (CRA) Yang Dijalankan Bersama Ketua-Ketua Jabatan Syarikat

4 Setiap Ketua Jabatan di KPYPJ akan mengenal pasti risiko rasuah melalui pelaksanaan CRM yang dilakukan di setiap jabatan. Dengan itu, setiap aktiviti dalam jabatan yang terdedah kepada risiko rasuah akan dikenal pasti. Data-data yang diperoleh kemudiannya akan dikumpul dan dianalisis untuk melihat kekerapan dan trend ketidakpatuhan terhadap SOP dan polisi yang telah ditetapkan oleh syarikat.

ANALISIS FORENSIK INTEGRITI ORGANISASI


KPYPJ juga telah mengambil inisiatif mengendalikan penilaian forensik integriti organisasi dengan bantuan konsultan pakar yang telah dilantik dalam bidang ini yang dijalankan pada akhir tahun 2020.

Penilaian dibuat dalam dua (2) kategori iaitu:

i. Penilaian Etika Korporat Organisasi

Soal selidik ini dijalankan bertujuan untuk mengukur budaya etika sesebuah organisasi khususnya KPYPJ. Selain itu, objektifnya juga untuk melihat sejauh mana budaya KPYPJ merangsang pekerja untuk bertindak secara beretika dan mencegah tindakan yang tidak beretika.

Hasil soal selidik adalah seperti yang berikut:




Rajah 3.2: Penilaian Etika Korporat Organisasi

ii. Penilaian Integriti Kepimpinan


Soal selidik ini dijalankan untuk mengukur budaya integriti kepimpinan dalam KPYPJ selain melihat sejauh mana budaya kepimpinan dalam KPYPJ merangsang pekerja untuk bertindak secara beretika dan mencegah tindakan yang tidak beretika.

Hasil soal selidik adalah seperti yang berikut:



Rajah 3.3: Penilaian Integriti Kepimpinan

Ringkasnya, secara perbandingan;



Rajah 3.4: Perbandingan Penilaian Etika Korporat Organisasi Dan Penilaian Integriti Kepimpinan

SKALA

1	Sangat Lemah
2	Lemah
3	Sederhana
4	Agak Baik
5	Baik
6	Sangat Baik

Secara keseluruhannya, dapatan penilaian forensik integriti organisasi yang telah dijalankan, mendapati budaya etika korporat KPYPJ adalah dalam keadaan agak baik untuk semua syarikat dalam Kumpulan Pendidikan YPJ kecuali untuk KYPJ yang sederhana. Selain itu, untuk integriti kepimpinan pula, semua syarikat berada dalam keadaan yang agak baik.

RUMUSAN DARIPADA ANALISIS DATA



Hasil daripada analisis data yang diperoleh, output seperti yang berikut telah dikenal pasti, antaranya:

1. Kekerapan bidang yang menjurus kepada kesalahan rasuah.
2. Desakan oleh pihak-pihak yang sukar untuk dielakkan.
3. Perjawatan yang dipegang oleh seseorang individu itu.
4. Desakan kewangan seseorang individu tertentu.
5. Salah guna kuasa pada sesuatu kedudukan.

LIMA (5) Bidang Keutamaan telah dikenal pasti untuk diambil tindakan dan inisiatif oleh pihak KPYPJ. Bidang-bidang tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Perolehan
2. Kewangan
3. Sumber Manusia
4. Pemasaran
5. Akademik

DATA PENGURUSAN RISIKO RASUAH

NO	RISIKO RASUAH	KATEGORI RISIKO	BIDANG KEUTAMAAN	KAWALAN TAMBAHAN (STRATEGI OACP)	OBJEKTIF STRATEGIK OACP	INISIATIF
1.	Signifikan	<p>i. Kebocoran maklumat sebut harga dan tender bagi perolehan perkhidmatan/ bekalan.</p> <p>ii. Meminta sesuatu kelebihan bagi urusan mendapatkan / memenangi tender /sebut harga pembelian atau salah guna kuasa dalam pemilihan tender dan sebut harga.</p> <p>iii. Pemalsuan dokumen dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membuat tuntutan bayaran; • Lesen pembekal / kontraktor. • Pengesahan perakuan tuntutan pembekal; atau • Dokumen tender / sebut harga yang dibuat oleh pembekal / kontraktor. 	Perolehan	Mempertingkatkan keberkesanan & ketelusan perolehan.	Meningkatkan ketelusan perolehan, mengurangkan risiko rasuah dan penyelewengan.	<p>i. Pemindahan pegawai yang terlibat dari kedudukan berisiko / panas.</p> <p>ii. Menyenarai hitamkan pembekal atau kontraktor yang memalsukan dokumen.</p> <p>iii. Pembekal atau kontraktor perlu mendaftar dalam sistem pembekal atau kontraktor KPYPJ supaya hanya pembekal berdaftar sahaja layak dalam permohonan tender.</p> <p>iv. Permohonan pembelian atau kertas kerja yang telah diluluskan perlu ditandatangani di setiap mukasurat oleh Ketua Eksekutif.</p> <p>v. Mempraktikkan arahan pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dalam proses perolehan.</p> <p>vi. Melaksanakan latihan / program kesedaran dan pementapan integriti secara berterusan kepada pegawai perolehan dan bakal pembekal / kontraktor.</p> <p>vii. Peningkatan tahap kesedaran mengenai polisi KPYPJ berkenaan antirasuah, pemberi maklumat (<i>Whistleblowing</i>) dan polisi hadiah di laman sesawang KPYPJ, e-mel dan sesi taklimat ringkas.</p> <p>viii. Mewujudkan audit tahunan terhadap bahagian dan bidang berisiko.</p> <p>ix. Memperkasakan pelaksanaan SOP /dasar perolehan untuk mengelakkan campur tangan eksekutif dalam pemilihan tender atau pemberian projek.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan atau keputusan akhir perlu melibatkan Jawatankuasa Teknikal.

NO	RISIKO RASUAH	KATEGORI RISIKO	BIDANG KEUTAMAAN	KAWALAN TAMBAHAN (STRATEGI OACP)	OBJEKTIF STRATEGIK OACP	INISIATIF
2.	Signifikan	<ul style="list-style-type: none"> i. Penyalahgunaan kuasa dalam mempercepat proses pembayaran. ii. Penyalahgunaan Wang Panjar/ pendahuluan Tunai. iii. Penyelewengan berkaitan kutipan yuran pelajar dan hasil sewaan bangunan/rumah kedai. 	Kewangan	Memperkuh akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.	Memastikan pengamalan ketelusan dalam tadbir urus kewangan.	<ul style="list-style-type: none"> i. Pemindahan anggota pekerja yang terlibat dalam penyalahgunaan kuasa dari kedudukan berisiko / panas. ii. Melaksanakan tindakan tatatertib / surcaj kepada pelaku dan siasatan dalaman jika terdapat bukti sahih iii. Melaksanakan Program Kesedaran Berkaitan Governan, Tadbir Urus, Pengurusan Kewangan, Prosedur Operasi Standard (SOP)Kewangan, Integriti dan penerapan nilai-nilai murni iv. Mewujudkan audit tahunan terhadap bahagian berisiko tinggi. Audit berkala dilakukan oleh setiap unit / bahagian masing-masing. v. Pendedahan kepada polisi baharu termasuk polisi antirasuah dan polisi pemberi maklumat (<i>whistleblowing</i>) serta mekanisme semak dan imbang. vi. Mengemas kini serta memperketat Prosedur Operasi Standard (SOP) Kewangan dan Kredit. vii. SOP dan taklimat penggunaan wang panjar kepada staf yang terlibat. viii. Melaksanakan dan memperkenalkan suatu sistem kutipan seperti sistem "autopay" dalam mempermudah urusan melalui ICT (teknologi).

NO	RISIKO RASUAH	KATEGORI RISIKO	BIDANG KEUTAMAAN	KAWALAN TAMBAHAN (STRATEGI OACP)	OBJEKTIF STRATEGIK OACP	INISIATIF
3.	Sederhana (Moderate)	<p>i. Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan dalam mencampuri urusan pelantikan pekerja & ketidakadilan dalam proses kenaikan pangkat.</p> <p>ii. Penyalahgunaan kuasa dalam mengambil tindakan kepada salah laku staf yang telah dilaporkan (tindakan tatatertib atau disiplin lewat diambil atau tidak dilaksanakan).</p>	Sumber Manusia	Memperkasakan & mempertingkatkan ketelusan pengurusan sumber manusia.	Meningkatkan ketelusan dalam proses pengambilan / pelantikan pekerja dan kenaikan pangkat.	<p>i. Memantapkan dan menambah baik SOP yang berkaitan dengan proses:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Temuduga pelantikan anggota pekerja dan kenaikan pangkat; serta • SOP tatatertib dan pengendalian Siasatan Dalaman. <p>i. Mewajibkan ahli panel penemu duga menandatangani surat aku janji berkaitan konflik kepentingan dan kerahsiaan.</p> <p>ii. Membuat semakan semula dan menambah baik skim perkhidmatan sedia ada.</p> <p>iii. Penyediaan dokumen panduan soalan, kriteria pemilihan dan skim pemarkahan yang lebih jelas kepada panel.</p> <p>iv. Mengadakan kursus pemantapan pengurusan governan, integriti dan antirasuah bagi staf yang menguruskan sesi temuduga dan panel temuduga.</p> <p>v. Mewujudkan audit tahunan terhadap bahagian berisiko tinggi.</p> <p>vi. Taklimat pemahaman kandungan dan tafsiran serta SOP pelaksanaan Syarat & Terma Perkhidmatan KPYPJ kepada staf baru dan staf lama dari semasa ke semasa.</p> <p>vii. Mesyuarat bulanan pemantauan isu-isu berkait dengan risiko rasuah dan sumber manusia serta penambahbaikan dokumen peraturan dan SOP termasuk SOP Tatatertib/Salah laku Staf dan pengendalian Siasatan Dalaman.</p>

NO	RISIKO RASUAH	KATEGORI RISIKO	BIDANG KEUTAMAAN	KAWALAN TAMBAHAN (STRATEGI OACP)	OBJEKTIF STRATEGIK OACP	INISIATIF
4.	Sederhana (Moderate)	<ul style="list-style-type: none"> i. Imbuan tersembunyi untuk mendapatkan, mengekalkan atau mempengaruhi keputusan pemberian projek. ii. Salah guna kuasa untuk kemasukan pelajar yang tidak memenuhi syarat kelayakan. iii. Pakatan antara staf dan ejen pemasaran untuk mendapatkan tuntutan pembayaran insentif yang lebih tinggi. iv. Menjual data pelajar berdaftar kepada staf lain untuk mendapatkan markah dalam Penilaian Prestasi. v. Ketirisan data pemohon kepada IPTS lain atau pihak luar. 	Pemasaran	Memperkuh akauntabiliti dan integriti dalam pemasaran dan pengambilan pelajar.	Meningkatkan ketelusan dalam proses pengambilan pelajar dan perolehan pendapatan melalui pemasaran.	<ul style="list-style-type: none"> i. Membentuk jawatankuasa pelantikan / penilai untuk membuat pemilihan penerima kontrak. ii. Menggunakan sistem saringan kelayakan dan pengeluaran surat tawaran berkemputer. iii. Melaksanakan program-program latihan pengukuhan governan, integriti, antirasuah, tadbir urus dan psikologi & pendedahan kepada kesalahan-kesalahan rasuah berkaitan pemasaran. iv. Menjaga data pemohon mengikut PDPA. v. Menambah baik SOP untuk mengelakkan berlakunya rasuah pada semua peringkat pelaksanaan. vi. Mengadakan audit tahunan ke atas prosedur yang berisiko. vii. Mengenakan tindakan tegas / tatatertib kepada yang terlibat dengan salah laku rasuah.



NO	RISIKO RASUAH	KATEGORI RISIKO	BIDANG KEUTAMAAN	KAWALAN TAMBAHAN (STRATEGI OACP)	OBJEKTIF STRATEGIK OACP	INISIATIF
5.	Rendah (Low)	<ul style="list-style-type: none"> i. Rasuah untuk menaikkan markah kerja kursus atau lulus dalam peperiksaan. ii. Potensi penerimaan rasuah atau salah guna kuasa pegawai yang mengendalikan peperiksaan akhir. 	Akademik	Memperkuh akauntabiliti dan integriti dalam pentadbiran hal ehwal akademik.	Meningkatkan ketelusan dalam penilaian akademik pelajar	<ul style="list-style-type: none"> i. M e m p e r k a s a k a n pemantauan bagi memastikan semua SOP dan peraturan berkaitan dipatuhi. ii. Mempromosi saluran aduan pelajar dalam laman sesawang KYPJ/ KKJ atau melalui Borang Penilaian Pensyarah. iii. Melaksanakan latihan/ kursus antirasuah untuk staf yang mengendalikan peperiksaan akhir. iv. Mendedahkan staf dengan polisi baharu termasuk polisi antirasuah dan polisi pemberi maklumat (whistleblowing) serta mekanisme semak dan imbang. v. Mengedarkan dan menyampaikan kepada pensyarah/ pengajar mengenai risiko rasuah melalui taklimat akademik yang dijalankan dua kali setahun. vi. Mengadakan mesyuarat penyelarasan membincangkan isu-isu risiko rasuah akademik melibatkan KYPJ dan KKJ mengikut keperluan atau sekurang-kurangnya sekali setahun.



SESI KETERLIBATAN PEMEGANG TARUH

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

KUMPULAN PENDIDIKAN YPJ 2023-2027



BAB 4

STRATEGI ANTIRASUAH KPYPJ



01 Strategi Antirasuah KPYPJ

02 Penetapan Visi, Misi dan Matlamat Pelan Antirasuah KPYPJ

STRATEGI ANTI RASUAH KPYPJ

VISI	Meneraju bidang pendidikan dan bisnes secara profesional, berintegriti dan bebas rasuah				
MISI	Memperkuh governan, integriti dan antirasuah warga KPYPJ melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan pihak berkuasa	Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti berasaskan tadbir urus yang baik	Mewujudkan budaya kerja berintegriti tinggi		
MATLAMAT	Kecekapan dan responsif dalam penyampaian kualiti perkhidmatan dengan tindakan yang berakauntabiliti serta budaya kerja berintegriti				
BIDANG KEUTAMAAN	Perolehan	Kewangan	Sumber Manusia	Pemasaran	Akademik
STRATEGI	Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan	Memperkuh akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan	Memperkasakan dan mempertingkatkan ketelusan pengurusan sumber manusia	Memperkuh akauntabiliti dan integriti dalam pemasaran dan pengambilan pelajar	Memperkuh akauntabiliti dan integriti dalam pentadbiran akademik



Bil	Bidang Keutamaan	Objektif Strategik	Pelan Tingkatkan / Inisiatif
1	Perolehan	1	9
2	Kewangan	1	8
3	Sumber Manusia	1	8
4	Pemasaran	1	7
5	Akademik	1	6
JUMLAH		5	38

PENETAPAN VISI, MISI DAN MATLAMAT PELAN ANTIRASUAH KPYPJ

“ MENERAJU BIDANG PENDIDIKAN DAN BISNES SECARA PROFESIONAL, BERINTEGRITI DAN BEBAS RASUAH ”

Pelan Antirasuah (OACP) merupakan satu dokumen antirasuah pada peringkat organisasi bagi menangani permasalahan dan kelemahan governan, integriti dan antirasuah dalam KPYPJ. Pembangunan OACP ini selaras dengan pelan strategik dan hala tuju KPYPJ.

KPYPJ telah menetapkan TIGA (3) misi untuk dijalankan dalam perancangan OACP bagi tempoh lima (5) tahun. Misi ini selaras dengan Visi yang telah diputuskan bagi menjayakan OACP KPYPJ 2023- 2027 iaitu:

Memperkukuhkan Governan, Integriti dan Antirasuah Warga KPYPJ

KPYPJ komited dalam memastikan pengukuhan budaya proaktif, bertanggungjawab, telus, kebolehpercayaan dan profesionalisme. Ke semua elemen ini memberi sumbangan yang besar kepada sistem governan yang efektif. Dengan sistem governan yang efektif dan kukuh, KPYPJ percaya isu integriti dan amalan rasuah akan dapat dikurangkan dan dikawal sepenuhnya.

Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti berasaskan tadbir urus yang baik

KPYPJ percaya kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti membolehkan pengurusan memperoleh sokongan sepenuhnya dari kalangan anggota organisasi KPYPJ dan juga pemegang-pemegang taruh utama melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif ke arah tadbir urus yang baik. Inisiatif-inisiatif tadbir urus yang baik meliputi penambahbaikan ke atas polisi-polisi dan prosedur-prosedur kerja serta operasi sedia ada.

Memperkukuhkan Governan, Integriti dan Antirasuah Warga KPYPJ

Persekitaran etika budaya kerja yang baik memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri dan corak kerja yang berkualiti. Mewujudkan persekitaran kerja yang berintegriti dapat meminimumkan salah laku dalam kalangan pekerja.



Bagi merealisasikan visi dan misi OACP, KPYPJ telah menetapkan **“Kecekapan dan responsif dalam penyampaian kualiti perkhidmatan dengan tindakan yang berakauntabiliti serta budaya kerja berintegriti”** sebagai matlamat utama melalui kawalan sistem operasi jabatan.

Kawalan sistem merupakan suatu mekanisme yang dirangka bagi mencegah atau menutup ruang serta peluang yang menjadi punca kepada berlakunya rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan lain-lain kelemahan pengurusan pada semua peringkat pelaksanaan operasi jabatan atau organisasi. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan mengukuhkan integriti pegawai. Contohnya, mengadakan tatacara kerja yang jelas, telus dan berakauntabiliti serta mempunyai mekanisme semak dan imbang (*check and balance*).

Antara langkah yang perlu diambil untuk mengawal sistem operasi jabatan adalah dengan menyediakan dasar, undang-undang, prosedur serta tugas yang jelas dan mudah difahami oleh pegawai dan kakitangan. Sekiranya terdapat peruntukan undang-undang, peraturan atau prosedur yang kabur, tidak praktikal, tidak relevan atau lapuk, akan dipinda dan dikemas kini sewajarnya supaya boleh dikuatkuasakan dengan jelas dan tegas. Selain itu, hendaklah dipastikan undang-undang dan peraturan tidak memberi tompokan kuasa, yang akhirnya wujud kuasa monopoli sehingga boleh membuka peluang kepada rasuah dan salah guna kuasa. Segala dasar jabatan, arahan dan penurunan kuasa akan dibuat secara bertulis agar lebih telus, efisien dan berakauntabiliti.

Selain itu, Ketua Jabatan perlu lebih peka kepada “warning signs”, serta mempunyai sikap sensitif kepada simptom rasuah (*corruption indicators*) seperti, pegawai mempunyai gaya hidup lebih daripada pendapatan; kerap berurusan di luar tanpa sebab yang munasabah; suka berahsia mengenai tindakan dan suka bekerja berseorangan; dan pembekal atau kontraktor enggan berurusan dengan pegawai lain, melainkan pegawai yang tertentu sahaja.

Walaupun telah ada sistem kerja yang teratur dan kemas, namun kelemahan dan penyelewengan boleh wujud disebabkan oleh kemerosotan nilai dan integriti pegawai yang bertindak sebagai pelaksana sistem tersebut. Oleh itu pendekatan dan program-program tertentu bagi mengurus integriti pegawai perlu dilaksanakan dengan sewajarnya. Antara aspek penting yang perlu diutamakan dalam konteks ini ialah mengukuhkan integriti melalui pembudayaan nilai-nilai murni.

BAB 5

PELAN STRATEGI, TINDAKAN DAN INISIATIF



- 01 Bidang Keutamaan: Perolehan
- 02 Bidang Keutamaan: Kewangan
- 03 Bidang Keutamaan: Sumber Manusia
- 04 Bidang Keutamaan: Pemasaran
- 05 Bidang Keutamaan: Akademik

BIDANG KEUTAMAAN PEROLEHAN

STRATEGI	Mempertingkatkan keberkesanan & ketelusan perolehan.			
OBJEKTIF STRATEGIK	Meningkatkan ketelusan perolehan, mengurangkan risiko rasuah dan penyelewengan.			
RISIKO KELEMAHAN & KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	TERMA RUJUKAN	BAHAGIAN PENERAJU	SASARAN TARIKH PELAKSANAAN
<p>i. Kebocoran maklumat sebut harga dan tender bagi perolehan perkhidmatan/ bekalan.</p> <p>ii. Meminta sesuatu kelebihan bagi urusan mendapatkan/memenangi tender/sebut harga pembelian atau salah guna kuasa dalam pemilihan tender dan sebut harga.</p> <p>iii. Pemalsuan dokumen:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tuntutan bayaran • Lesen kontraktor/pembekal. • Pengesahan perakuan tuntutan pembekal/kontraktor. • Perolehan tender/sebut harga. 	1. Pemindahan pegawai yang terlibat dari kedudukan berisiko/panas.	5	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	Suku Tahun 3 - 2023
	2. Menyenaraihitamkan pembekal atau kontraktor yang memalsukan dokumen.	5,6	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	Suku Tahun 3 - 2023
	3. Pembekal atau kontraktor perlu mendaftar dalam sistem pembekal atau kontraktor KPYPJ supaya hanya pembekal berdaftar sahaja layak dalam permohonan tender.	4	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia (Unit Perolehan)	Suku Tahun 3 - 2023
	4. Permohonan pembelian atau kertas kerja yang telah diluluskan perlu ditandatangani pada setiap mukasurat oleh Ketua Eksekutif.	2,5	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia (Unit Perolehan)	Suku Tahun 3 - 2023
	5. Melaksanakan latihan/program kesedaran dan pementapan integriti secara berterusan kepada pegawai perolehan dan bakal pembekal/kontraktor.	3,7	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia / Unit Integriti	Suku Tahun 2 - 2023
	6. Mempraktikkan arahan pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dalam proses perolehan .	1,3	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	Suku Tahun 3 - 2023
	7. Peningkatan tahap kesedaran mengenai polisi KPYPJ berkenaan antirasuah, pemberi maklumat (<i>Whistleblowing</i>) dan polisi hadiah di laman sesawang KPYPJ, e-mel dan sesi taklimat ringkas.	3	Unit Integriti	Suku Tahun 3 - 2023
	8. Mewujudkan audit tahunan terhadap bahagian berisiko.	6	Unit Audit Dalaman	Suku Tahun 4 - 2023
	9. Memperkasakan pelaksanaan SOP/dasar perolehan untuk mengelakkan campur tangan eksekutif dalam pemilihan tender atau pemberian projek.	2,5	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	Suku Tahun 3 - 2023

BIDANG KEUTAMAAN KEWANGAN

STRATEGI	Memperkuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.			
OBJEKTIF STRATEGIK	Memastikan pengamalan ketelusan dalam tadbir urus kewangan.			
RISIKO KELEMAHAN & KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	TERMA RUJUKAN	BAHAGIAN PENERAJU	SASARAN TARIKH PELAKSANAAN
i. Penyalahgunaan kuasa dalam mempercepat pembayaran . ii. Penyalahgunaan Wang Panjar. iii. Rasuah berkaitan kutipan yuran pelajar dan hasil sewaan bangunan/rumah kedai.	1. Pemandahan pegawai yang terlibat dari kedudukan berisiko/panas.	5	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	Suku Tahun 3 - 2023
	2. Melaksanakan tindakan tatatertib / surcaj kepada pelaku dan siasatan dalaman jika terdapat bukti sah.	6	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	Suku Tahun 3 - 2023
	3. Melaksanakan Program Kesedaran Berkaitan Governan, Tadbir Urus, Pengurusan Kewangan, Prosedur Operasi Standard (SOP) Kewangan, Integriti dan penerapan nilai-nilai murni.	3,7	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia / Unit Integriti	Suku Tahun 3 - 2023
	4. Mewujudkan audit tahunan terhadap bahagian berisiko tinggi Audit berkala dilaksanakan oleh setiap unit / bahagian.	6	Unit Audit Dalaman / Bahagian Kewangan	Suku Tahun 3 - 2023
	5. Pendedahan kepada polisi baharu termasuk polisi antirasuah dan polisi pemberi maklumat (<i>whistleblowing</i>) serta mekanisme semak dan imbang.	1,2,5	Unit Integriti	Suku Tahun 2 - 2023
	6. Mengemas kini serta memperketat Prosedur Operasi Standard (SOP) terutama dalam perkara yang melibatkan tahap risiko sederhana.	2,5	Bahagian Kewangan	Suku Tahun 2 - 2023
	7. SOP dan taklimat penggunaan wang panjar kepada staf yang terlibat.	2,5	Bahagian Kewangan	Suku Tahun 3 - 2023
	8. Melaksana dan memperkenalkan suatu sistem kutipan seperti sistem autopay dalam mempermudah urusan melalui ICT (Teknologi).	2,4	Bahagian Kewangan	Suku Tahun 2 - 2023

BIDANG KEUTAMAAN SUMBER MANUSIA

STRATEGI	Memperkasa & Mempertingkatkan ketelusan pengurusan sumber manusia.			
OBJEKTIF STRATEGIK	Meningkatkan ketelusan dalam proses pengambilan / pelantikan perkerjaan dan kenaikan pangkat.			
RISIKO KELEMAHAN & KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	TERMA RUJUKAN	BAHAGIAN PENERAJU	SASARAN TARIKH PELAKSANAAN
i. Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan dalam mencampuri urusan pelantikan anggota pekerja & ketidakadilan dalam proses kenaikan pangkat. ii. Penyalahgunaan kuasa dalam mengambil tindakan kepada salah laku staf yang telah dilaporkan (tindakan tatatertib atau disiplin lewat diambil atau tidak dilaksanakan).	1. Memantapkan dan menambah baik SOP yang berkaitan dengan proses: • Temu duga pelantikan anggota pekerja dan kenaikan pangkat. • Tatatertib/Salah laku Staf dan Pengendalian Siasatan Dalaman.	1	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	Suku Tahun 3 - 2023
	2. Mewajibkan ahli panel penemuduga menandatangani surat aku janji berkaitan konflik kepentingan dan kerahsiaan.	1	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	Suku Tahun 3 - 2023
	3. Membuat semakan semula dan menambah baik skim perkhidmatan yang lebih jelas.	2	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	Suku Tahun 2 - 2023
	4. Mengadakan kursus pemantapan pengurusan governan, integriti dan antirasuah bagi staf yang menguruskan sesi temu duga dan panel temu duga.	3	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia / Unit Integriti	Suku Tahun 2 - 2023
	5. Mewujudkan audit tahunan terhadap bahagian berisiko tinggi.	6	Unit Audit Dalaman	Suku Tahun 3 - 2023
	6. Penyediaan dokumen panduan soalan, kriteria pemilihan dan skim pemarkahan yang lebih jelas kepada panel.	2	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	Suku Tahun 3 - 2023
	7. Taklimat pemahaman kandungan dan tafsiran serta SOP pelaksanaan Syarat & Terma Perkhidmatan KPYPJ kepada staf baru dan staf lama dari semasa ke semasa.	3	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	Suku Tahun 3 - 2023
	8. Mesyuarat bulanan pemantauan isu-isu berkait risiko rasuah dan sumber manusia dan penambahbaikan dokumen peraturan dan SOP.	5	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	Suku Tahun 4 - 2023

BIDANG KEUTAMAAN PEMASARAN

STRATEGI	Memperkuh akauntabiliti dan integriti dalam pemasaran dan pengambilan pelajar.			
OBJEKTIF STRATEGIK	Memastikan pengamalan ketelusan dalam tadbir urus pemasaran dan pengambilan pelajar.			
RISIKO KELEMAHAN & KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	TERMA RUJUKAN	BAHAGIAN PENERAJU	SASARAN TARIKH PELAKSANAAN
i. Imbuan tersembunyi untuk mendapatkan, mengekalkan atau mempengaruhi keputusan pemberian projek. ii. Salah guna kuasa untuk kemasukan pelajar yang tidak memenuhi syarat kelayakan. iii. Pakatan antara staf dan ejen pemasaran untuk mendapatkan tuntutan pembayaran insentif yang lebih tinggi. iv. Penjualan data pelajar berdaftar kepada staf lain untuk mendapatkan markah dalam Penilaian Prestasi. v. Ketirisan data pemohon kepada IPTS lain atau pihak luar.	1. Membentuk Jawatankuasa pelantikan/penilai untuk membuat pemilihan penerima kontrak.	2,5	Bahagian Pemasaran & Kemasukan Pelajar	Suku Tahun 1 - 2023
	2. Menggunakan sistem saringan kelayakan dan pengeluaran surat tawaran berkomputer.	2	Bahagian Pemasaran & Kemasukan Pelajar	Suku Tahun 2 - 2023
	3. Melaksanakan program-program latihan pengukuhan governan, integriti, antirasuah, tadbir urus, psikologi dan pendedahan kepada kesalahan-kesalahan rasuah berkaitan pemasaran.	3,7	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia / Unit Integriti	Suku Tahun 2 - 2023
	4. Menjaga data pemohon mengikut PDPA.	5	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia / Pendaftar	Suku Tahun 2 - 2023
	5. Menambah baik SOP untuk mengelakkan berlakunya rasuah pada semua peringkat pelaksanaan.	5	Bahagian Pemasaran & Kemasukan Pelajar	Suku Tahun 2 - 2023
	6. Mengadakan audit tahunan ke atas prosedur yang berisiko.	6	Unit Audit Dalaman	Suku Tahun 1 - 2023
	7. Mengenakan tindakan tegas / tatatertib kepada yang terlibat dengan salah laku rasuah.	6	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia	Suku Tahun 2 - 2023

BIDANG KEUTAMAAN AKADEMIK

STRATEGI	Memperkuh akauntabiliti dan integriti dalam pemasaran dan pengambilan pelajar.			
OBJEKTIF STRATEGIK	Memastikan pengamalan ketelusan dalam tadbir urus pemasaran dan pengambilan pelajar.			
RISIKO KELEMAHAN & KETIRISAN: GOVERNAN, INTEGRITI & RASUAH	INISIATIF	TERMA RUJUKAN	BAHAGIAN PENERAJU	SASARAN TARIKH PELAKSANAAN
i. Rasuah untuk menaikkan markah kerja kursus atau lulus dalam peperiksaan. ii. Potensi penerimaan rasuah atau salah guna kuasa pegawai yang mengendalikan peperiksaan akhir.	1. Memperkasa pemantauan bagi memastikan semua SOP dan peraturan berkaitan dipatuhi.	5,6	Bahagian Akademik	Suku Tahun 1 - 2023
	2. Mempromosi saluran aduan pelajar dalam laman sesawang KYPJ / KKJ atau melalui Borang Penilaian Pensyarah.	4	Bahagian Akademik / Kemahiran / Unit Integriti	Suku Tahun 1 - 2023
	3. Melaksanakan latihan/kursus antirasuah untuk staf yang mengendalikan peperiksaan akhir.	3	Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia / Unit Integriti	Suku Tahun 1 - 2023
	4. Mendedahkan staf dengan polisi baharu termasuk polisi antirasuah dan polisi pemberi maklumat (<i>whistleblowing</i>) serta mekanisme semak dan imbang.	1,3	Unit Integriti / Bahagian Akademik	Suku Tahun 2 - 2023
	5. Mengedarkan dan menyampaikan kepada pensyarah / pengajar mengenai risiko rasuah melalui taklimat akademik yang dijalankan 2 kali setahun.	3	Bahagian Akademik / Unit Integriti	Suku Tahun 4 - 2023
	6. Mengadakan mesyuarat penyelarasan membincangkan isu-isu risiko rasuah akademik melibatkan KYPJ dan KKJ mengikut keperluan atau sekurang-kurangnya sekali setahun	5,6	Bahagian Akademik / Kemahiran / Unit Integriti	Suku Tahun 3 - 2023

BAB 6

MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN & PENILAIAN



- 01** Strategi Teras Pelaksanaan Pelan Antirasuah (OACP)
- 02** Pemantauan dan Penilaian OACP
- 03** Semakan Semula dan Pembaharuan OACP

MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN DAN PENILAIAN



Berdasarkan Arahan Mantan Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019 'Pemantapan Governan, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional, Pengurusan Tertinggi KPYPJ telah bersetuju untuk memberi mandat kepada Unit Integriti KPYPJ ("IGU") dalam penyelarasan pembangunan dan pelaksanaan OACP. IGU juga bertindak sebagai sekretariat penyelarasan OACP yang berperanan memantau, menilai dan melaporkan pencapaian OACP.

STRATEGI TERAS PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

KPYPJ telah menggunakan pakai prinsip **TRUST** berpandukan dalam "*Guidelines of Adequate Procedures*" dikeluarkan oleh pihak Pusat Governan, Integriti, dan Antirasuah (GIACC), Jabatan Perdana Menteri dalam menangani isu integriti dan rasuah dalam organisasi khususnya untuk sektor korporat dan swasta.

Lima (5) prinsip **TRUST** ini digunakan oleh KPYPJ dalam menentukan hala tuju pengurusan pelaksanaan OACP iaitu:

1 **Komitmen Pengurusan Tertinggi** (*Top Level Commitment*)

Pengurusan tertinggi KPYPJ bertanggungjawab dalam memastikan semua ahli-ahli dalam organisasi KPYPJ:

- i. Mengamalkan serta menghayati budaya serta nilai-nilai berintegriti yang tinggi.
- ii. Semua warga organisasi KPYPJ mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa berkaitan dengan integriti dan amalan rasuah.

2 **Penilaian Risiko** (*Top Level Commitment*)

- i. Penilaian risiko rasuah secara berkala dibuat dan apabila terdapat keperluan perubahan.
- ii. Memberi keutamaan dalam risiko rasuah sama ada dalaman ataupun luaran.

Penilaian risiko rasuah digunakan sebagai instrumen oleh KPYPJ dengan bantuan khidmat konsultan pakar luar yang dilantik, yang dilaksanakan secara berkala dalam usaha mengesan dan mencegah amalan rasuah.

3 **Melaksanakan Langkah-Langkah Kawalan** (*Undertake Control Measures*)


KPYPJ akan memperluas sistem penilaian kawalan operasi dengan merangkumkannya dalam aspek langkah-langkah dan inisiatif antirasuah sebagaimana yang digariskan dalam OACP ini.

4 **Semakan, Pemantauan dan Penguatkuasaan Bersistematik** (*Systematic Review, Monitoring and Enforcement*)

Penilaian keberkesanan pelaksanaan setiap inisiatif dalam OACP ini akan dijalankan secara bersistematik. Hal ini bagi memastikan langkah-langkah yang telah dirangka dan dibuat mencapai matlamat dan sasaran. Selain itu, bagi memastikan sama ada inisiatif tersebut berupaya mengurangkan risiko rasuah yang wujud serta memenuhi keperluan pengoperasian KPYPJ secara efektif.

5 Latihan dan Komunikasi (Training and Communication)

Pelaksanaan pelan tindakan OACP KPYPJ berdasarkan kawalan dan sistem yang baik sahaja tidak mencukupi dalam menangani salah laku dan rasuah. Aspek sokongan melalui program latihan berstruktur dan sistem komunikasi yang efektif pada semua peringkat dalam organisasi dalam dan luar organisasi amat perlu dan penting dalam memastikan usaha atau inisiatif yang dirangka dapat mencapai hasrat OACP KPYPJ ini. Oleh itu, aspek latihan dan komunikasi yang efektif amat perlu dipertimbangkan dalam pelaksanaan OACP KPYPJ.




Rajah 6.1: Strategi Teras Pelaksanaan Pelan Antirasuah



PEMANTAUAN DAN PENILAIAN OACP

Bagi memastikan pemantauan dan penilaian OACP dilaksanakan dengan berkesan, Pengurusan Tertinggi KPYPJ akan memastikan:-

- i. Fungsi IGU KPYPJ untuk memantau, menilai dan melaporkan pencapaian OACP.
- ii. Memastikan setiap Pelan Tindakan dilaksana mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan.
- iii. Melaksana koordinasi dan keterlibatan bagi memastikan Pelan Tindakan dapat dilaksana dengan lebih berkesan.
- iv. Memastikan pematuhan terhadap inisiatif yang telah diperkenalkan pada peringkat jabatan di KPYPJ dalam Pelan Tindakan.
- v. Memastikan Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP dikemukakan kepada Pengurusan Tertinggi pada setiap suku tahun dan
- vi. Memastikan Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP tahunan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Integriti untuk pertimbangan dan keputusan.



Rajah 6.2: Pemantauan dan Penilaian OACP

SEMAKAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN OACP



- i. Penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan OACP dilaksanakan setahun sekali bagi memastikan strategi dan Pelan Tindakan yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul.
- ii. Tindakan pembaharuan OACP akan dilaksanakan pada akhir pelan lima (5) tahun dan akan dikeluarkan pada tahun berikutnya.

BAB 7

PENUTUP



- 01 Rumusan
- 02 Penghargaan
- 03 Pemakluman

RUMUSAN

Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) KPYPJ ini adalah bagi memperlihatkan komitmen KPYPJ dalam menyokong dasar antirasuah kerajaan. Intipati pelan ini mengandungi perancangan dan tindakan yang perlu dilaksanakan atas arahan Kerajaan untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara bebas rasuah.

Hal ini dapat dilihat menerusi lima (5) strategi merangkumi 38 inisiatif yang telah dikenal pasti dan digubal untuk dilaksanakan sebagai panduan pengurusan antirasuah di KPYPJ.

Bagi memastikan keberkesanan OACP ini, semakan dan pemantauan pelaksanaan semua inisiatif yang telah dirangka dibuat secara berkala. KPYPJ akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dengan mengambil kira maklum balas, nasihat dan panduan daripada pelbagai pihak supaya inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan dan terus menjadi panduan semua pihak dalam menangani isu salah laku dan amalan rasuah. Dalam keadaan tertentu, pandangan serta bantuan konsultant dalam bidang pengurusan integriti, tadbir urus dan risiko rasuah yang dilantik akan digunakan dalam membantu menangani atau menyelesaikan isu-isu pencegahan rasuah dalam KPYPJ.

Kejayaan pelaksanaan semua 38 inisiatif dalam tempoh 5 tahun akan datang kelak diharapkan bakal memberikan impak positif dalam mencapai visi dan misi penubuhan KPYPJ. Visi dan misi penubuhan KPYPJ hanya akan dapat dicapai melalui keberkesanan pengoperasian serta aktiviti-aktiviti KPYPJ dengan menerapkan elemen-elemen nilai integriti yang tinggi. Oleh itu, inisiatif-inisiatif berkaitan dengan penambahbaikan governan, integriti dan antirasuah adalah amat penting dalam kelangsungan dan kelestarian KPYPJ pada masa hadapan.



PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan semua Staf KPYPJ yang terlibat dalam membangunkan dan memberi sokongan dokumen OACP ini.

PENAUNG

Tuan Hj. Abu Bakar bin Mohamed Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

PENGERUSI JK KERJA OACP

En. Husaini bin Mohklas @ Hashim
Pengurus Besar

AHLI JAWATAN KUASA KERJA OACP

- | | |
|---|------------------------------------|
| 1. Puan Noraini binti Ali | 21. Pn. Zainatunsima binti Suid |
| 2. Tuan Haji Muhamad Jaberidin bin Hj. Mesron | 22. Pn. Haslinda binti Hashim |
| 3. En. Shaiful Huzaini bin Damanhuri | 23. Pn. Noryanti binti Hussin |
| 4. En. Ruhaizal bin Abu Amin | 24. Pn. Hairani binti Said |
| 5. En. Shahrim bin Adon | 25. Pn. Zurina binti Mohamed Saad |
| 6. En. Jamaluddin bin Hamzah | 26. Pn. Ezreen binti Abdul Rahim |
| 7. En. Mohd Asmadi bin Hj. Alias | 27. En. Yusman bin Mohd. Yunus |
| 8. Tuan Hj Asri bin Wahab | 28. En. Bazli bin Buang |
| 9. En. Sa'dullah bin Mohidin | 29. Pn. Rafidah binti Amnin |
| 10. En. Salih Huddin bin Jaafar | 30. Pn. Zuraifah binti Yusof |
| 11. En. Abdul Rahim bin Ismail | 31. Pn. Puziah binti Supian |
| 12. Puan Mariani binti Omar | 32. En. Muhamad Hamka bin Masjedi |
| 13. En. Kamizan bin Safar | 33. Pn. Roslina binti Munajat |
| 14. Pn. Haslinda binti Abu Bakar | 34. En. Mohd Abdul Basid bin Talib |
| 15. En. Ahmad Izham bin Idris | 35. En. Daeng Jaafar bin Saadon |
| 16. En. Mazrulhezam bin Mazelan | 36. Pn. Norlelawati binti Md. Akim |
| 17. Hj. Zulkarnain bin Yaacob | 37. En. Mohd Hanafi bin Yusop |
| 18. Dr Nor Aishah binti Abdul Aziz | 38. En. Zaid bin Zain |
| 19. Pn. Shuhaida binti Baharum | 39. En. Zamri bin Jabar |
| 20. Chef Abd Razak bin Abdullah | |

SEKRETARIAT – IGU KPYPJ

1. Puan Norle binti Hj Mohamed Kamsan (CeI0)
2. En. Firdaus bin Hj Zainal Abidin
3. Puan Norazlina binti Mohsin @ Mohsen (CeI0)

PROOFREADER

Pn. Norhaida binti Ahmad

REKABENTUK DAN GRAFIK

En. Ali Zulkarnain Bin Abd. Karim

KONSULTAN OACP KPYPJ

Dr. Azmi bin Hj. Mohd

(Pen. Kanan Pesuruhjaya (B) SPRM)

Profesor Madya Adjung (Integriti Dan Anti-Rasuah), IMC Solution



PEMAKLUMAN

Pelan Antirasuah Organisasi Kumpulan Pendidikan YPJ (KPYPJ) 2023-2027 yang julung-julung kalinya dibangunkan ini bertujuan untuk memerangi gejala rasuah dan meningkatkan tadbir urus Kumpulan Pendidikan YPJ. **Tadbir urus yang baik akan mampu menampung perubahan dari segi sosial, ekonomi dan politik syarikat. Kumpulan Pendidikan YPJ juga mampu mencapai tahap segala bentuk kejayaan jika semua pihak mampu melaksanakan tadbir urus yang cekap dan penuh berintegriti.** Sebaliknya sesebuah jabatan akan gagal mencapai matlamat itu jika lemah dalam menguruskan tadbir urus. Kegagalan ini akan mengakibatkan berlakunya faktor yang mengarah kepada perlakuan rasuah dan salah guna kuasa serta perkara yang menyalahi integriti.





UNIT INTEGRITI KPYPJ

Aras 2, Wisma YPJ Holdings, No.5, Jalan Sri Perkasa 1/3
Taman Tampoi Utama 81200 Johor Bahru, Johor

☎ +607-2416 161

☎ +607-2416 401

www.kpypj.edu.my